

Sisa racun perosak melebihi had, pengusaha ladang sayur didenda

KUCHING: Seorang pengusaha ladang sayur didenda RM5,000 di Mahkamah Majistret di sini, kelmarin kerana menjual sayur yang mengandungi sisa racun perosak melebihi had dibenarkan.

Majistret Syarifah Fatimah Azura Wan Ali menjatuhkan hukuman itu terhadap tertuduh selepas dia mengaku bersalah mengikut Peraturan 397(1) Peraturan-Peraturan

Makanan 1985 dan dihukum di bawah Peraturan 397(2) peraturan sama.

Mengikut fakta kes, sampel kailan telah diambil pada 2 Disember 2024 dan dihantar ke makmal untuk dianalisis.

Analisis mendedahkan bahawa sayur-sayuran itu mengandungi 0.198 mg/kg sisa racun perosak Penycuron, yang melebihi standard dibenarkan seperti ditetapkan di bawah Peratu-

ran 41(3)(c) Peraturan-Peraturan Makanan 1985.

Peraturan tersebut menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh menyediakan apa-apa makanan untuk jualan, yang mengandungi sisa racun perosak 0.01 miligram atau lebih bagi setiap kilogram jika racun itu tidak disenaraikan untuk makanan tersebut dalam Jadual Keenam Belas atau Codex Alimentarius.

Semasa prosiding, Pega-

wai Pendakwa dari Unit Inspektorat dan Perundangan Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching Mohd Fairos Ibrahim menggesa hukuman setimpal dikenakan sebagai pengajaran kepada tertuduh.

Beliau menegaskan bahawa kes ini juga sebagai amaran kepada pengendali lain supaya mematuhi peraturan yang ditetapkan demi kesihatan awam.